

# Dasar monetari baharu perlu lindungi rakyat, yakinkan pelabur

**Hari** ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual mengumumkan dasar dan perancangan terbaru kerajaan bagi menangani pelbagai isu ekonomi, termasuk kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham negara.

Pengumuman ini pasti ditunggu-tunggu komuniti perdagangan, usahawan, perbankan dan pelabur kerana ia bakal menentukan perancangan mereka untuk menyerap impak tekanan ekonomi dalam jangka pendek dan panjang.

Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dan Singapura ketika amat dirasai golongan terbabit sehingga menjejaskan usaha menilai unjuran prospek perniagaan untuk suku tahunan berikutnya.

Apatah lagi keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) dilihat masih gagal membantu menaikkan nilai ringgit.

Pada masa sama, kejatuhan nilai ringgit dan kenaikan OPR mengheret rakyat terperangkap dalam masalah ekonomi, terutama meningkatkan jumlah hutang isi rumah bagi melunaskan pinjaman peribadi, perumahan dan kenderaan.

Bermakna, kerunsingan dirasai komuniti perdagangan dan rakyat ketika ini menuntut kerajaan melaksanakan segera perancangan konkrit bagi memperkukuhkan ekonomi negara serta mengeluarkan rakyat daripada masalah ekonomi sedang dihadapi.

Ketika ini, nilai ringgit menyusut kepada RM4.62 berbanding dolar AS dan RM3.42 berbanding dolar Singapura, menyebabkan harga barangan akan naik susulan kesan terhadap rantaian bekalan.

Seandainya situasi ini berlarutan, ia akan menjadikan sektor import lebih mahal, kadar inflasi meningkat serta membebankan rakyat termasuk kepada pelajar di luar negara.

Pengumuman dasar baharu daripada Anwar yang juga Menteri Kewangan hari ini juga amat penting kerana ia bakal mempengaruhi keyakinan pelabur sama ada mahu terus kekal melabur di negara ini atau ke luar negara.

Kerajaan perlu membentangkan 'formula MADANI' bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang yang dapat memastikan kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat dibela tanpa mengira kelas atau taraf hidup kerana pada masa kini, hampir seluruh masyarakat sedan berhadapan inflasi.

Ketika dasar tambatan ringgit atau kawalan modal dilihat sebagai langkah kuno untuk menangani kelemahan ringgit, sudah sampai masa kerajaan mencari dasar monetari alternatif lebih berani dan kalis cabaran untuk mendepani kemelut ekonomi hari ini.

Proses pemulihan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19 diakui masih berdepan liku-liku luar jangka, sekali gus menuntut sokongan dan kerjasama daripada semua pihak serta pemegang taruh sama ada komuniti perdagangan dan pelabur, pemimpin politik termasuk pembangkang serta ketua masyarakat untuk bersama-sama kerajaan mendepani permasalahan ekonomi ini demi rakyat dan negara.